☑ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 26/4/2012
Hal: ICAMAS M/S: 2
Ruangan: KELUARAN ICAMS

Pengajian MBA memberi peluang kepada penuntut meningkatkan kelayakan akademik.

# Terokai dunia pengajian MBA

## Direka khusus untuk perkenalkan pelajar kepada dunia perniagaan

PROGRAM Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) atau Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat khususnya di negara ini. Program pengajian ini juga mampu menarik orang ramai dari pelbagai disiplin akademik.

Penetapan MBA berasal dari Amerika Syarikat (AS) yang diperkenalkan pada akhir abad ke-19 bagi memenuhi keperluan industri, syarikat atau organisasi yang mencari pendekatan saintifik dalam bidang pengurusan.

Kursus teras bagi program ini direka khusus untuk memperkenalkan kepada pelajar pelbagai bidang perniagaan seperti Perakaunan, Kewangan, Pemasaran, Sumber Manusia, Pengurusan Operasi dan sebagainya.

Bagi memastikan keseragaman dan kualiti pendidikan perniagaan siswazah ini, sebuah badan akreditasi khas telah diwujudkan. Kini banyak institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia menawarkan program yang disesuaikan kepada pelajar seperti pengajian sepenuh masa, separuh masa, eksekutif dan pengajian jarak jauh.

MBA turut mendedahkan dunia perniagaan di peringkat yang lebih tinggi.

### Sejarah MBA

Sekolah perniagaan pertama di AS ialah Sekolah Perniagaan Tuck, iaitu sebahagian daripada Darthmouth College. Sekolah ini diasaskan pada tahun 1900 dan merupakan institusi pengajian pertama menawarkan Pengajian Ijazah Lanjutan (Sarjana) dalam bidang Sains Perdagangan khususnya Ijazah Sarjana Muda Perdagangan, iaitu program MBA yang pertama sebelum MBA moden diperkenalkan.

Pada 1908, University Harvard menubuhkan Sekolah Pengajian Siswazah Pentadbiran Perniagaan (GSBA) yang pertama di dunia menawarkan program MBA ini. Sekolah ini mempunyai 15 fakulti serta 33 pelajar biasa dan 47 pelajar khas.

Pada 1943, Sekolah Perniagaan University Chicago Booth menawarkan program Eksekutif MBA (EMBA), program pertama ditawarkan di tiga benua iaitu di Chicago, London dan Singapura. Kini ia ditawarkan secara meluas di seluruh dunia.

Program ini diperkemaskan dengan penubuhan program MBA yang memberi tumpuan kepada pengurusan global oleh Sekolah Pengurusan Global Thunderbird pada tahun 1946.

Perkembangan secara meluas program MBA ini dilihat semakin menggalakkan apabila pada 1950, MBA pertama telah dianugerahkan di luar AS oleh Sekolah Perniagaan Richard Ivery di University of Western Ontario, Kanada, diikuti penganugerahan ijazah MBA oleh University of Pretoria, Afrika Selatan pada 1951 dan pada 1957, INSEAD menjadi sekolah perniagaan Eropah pertama menawarkannya.

Kini, ijazah MBA diterima pakai oleh universiti di seluruh dunia dan disesuaikan oleh negara maju dan membangun.

### MBA di Malaysia

MBA adalah pengajian popular di Malaysia. Program ini ditawarkan oleh universiti tempatan, kampus cawangan universiti asing dan universiti terkemuka luar negara yang bekerjasama dengan IPT di negara ini.

Perkara utama menjadi persoalan kepada pelajar di Malaysia ialah kos pengajian. Di universiti swasta, kos ditawarkan adalah antara RM21,000 hingga RM30,000 untuk tempoh pengajian satu hingga dua tahun sepenuh masa, manakala universiti awam pula antara RM15,000 hingga RM20,000, juga bagi tempoh yang sama.

Kos ini berbeza bagi program MBA yang ditawarkan kampus cawangan universiti asing. Sebagai contoh, bagi Universiti Teknologi Curtin Kampus Sarawak, kos pengajiannya ialah sebanyak RM2,475 seunit, dengan jumlah keseluruhan sebanyak 11 unit. Ini menjadikan kos keseluruhannya ialah RM27,225 bagi tempoh masa satu tahun sepenuh masa dan dua tahun bagi separuh masa.

Di University of Nottingham kampus Malaysia, kos pengajiannya ialah RM46,000 bagi tempoh masa satu tahun sepenuh masa dan dua hingga empat tahun bagi separuh masa.

Di Malaysia juga ada program MBA yang dijalankan sepenuhnya oleh institusi pengajian tinggi swasta dan kelayakannya dianugerahkan oleh universiti luar negara. Antaranya ialah Kolej Olympia yang menawarkan program MBA, dianugerahkan oleh Nottingham Trent University, United Kingdom (UK). Kos pengajiannya adalah RM26,300 bagi tempoh satu tahun enam bulan untuk sepenuh masa dan dua tahun bagi separuh masa. Kolej Stamford turut menjalankan program MBA dan ijazahnya dianugerahkan oleh Lansbridge University, Kanada. Kos pengajiannya RM38,305 bagi tempoh selama 19 bulan sepenuh atau separuh masa.

Bagi institusi pengajian tinggi awam pula, ada banyak IPTA menyediakan program ini. Antaranya Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

» LIHAT MUKA 2

### IPTA YANG MENAWARKAN PENGAJIAN MBA

- UM – Fakulti Perniagaan dan Perakaunan – MBA
- USM – Sekolah Pengajian Siswazah Perniagaan – MBA, MBA (Perniagaan Antarabangsa)
- UKM – Sekolah Pengajian Siswazah – MBA
- UPM – Sekolah Pengajian Siswazah – MBA (Tadbir Urus Korporat), MBA (Kewangan), MBA (Pengurusan Sumber Manusia), MBA (Perniagaan Antarabangsa), MBA (Pemasaran).
- UTM – Sekolah Perniagaan Antarabangsa – MBA (Pengurusan Kesihatan), MBA (Pengurusan Strategik), MBA (Teknologi Keusahawanan)
- UiTM – Fakulti Pengurusan Perniagaan – MBA
- UIAM – Pusat Alam Bina – MBA (Perniagaan Pembinaan)
- UUM – Kolej Pengajian Perniagaan (Kewangan & Perakaunan) – MBA (Perakaunan), MBA (Kewangan), MBA (Perakaunan Profesional)
- UUM – Kolej Pengajian Perniagaan (Keusahawanan & Komersialisasi) – MBA (Kejuruteraan), MBA (Pengurusan Projek), MBA (Teknologi Pengurusan), MBA (Rantaian Pengurusan Bekalan).
- UUM – Kolej Pengajian Perniagaan (Pengurusan) – MBA
- UMS – Sekolah Pengajian Perniagaan & Ekonomi – MBA
- UTeM – Fakulti Pengurusan Teknologi & Keusahawanan – MBA (Pengurusan Operasi Lanjutan), MBA (Pengurusan Teknologi & Inovasi)